

BUKIT MERTAJAM, 4 OKTOBER (BERNAMA) - SEORANG AHLI MAJLIS
TERTINGGI UMNO MALAYSIA, DR. MAHATHIR BIN MOHAMED
BERKATA MASALAH KEKURANGAN MODAL TIDAK TIMBUL LAGI
BAGI ORANG MELAYU KERANA KERAJAAN TELAH MENYEDIAKAN KEMUDAHAN-
KEMUDAHAN UNTUK MENOLONG MEREKA

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP DI MAJLIS DIALOG ANJURAN
UMNO BAHAGIAN SEBERANG PERAI SELATAN YANG BEPLANGSUNG DI BALAI RAYA
JASEK SEPULUH BATU DAPI SINI MALAM TADI.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MENGADAKAN MARA, PERNAS DAN UDA UNTUK
MENOLONG ORANG MELAYU MENJALANKAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN TIDAK
SAHAJA DI KAWASAN LUAR BANDAR TETAPI JUGA DI BANDAR-BANDAR

PELUANG SAMPERTI INI, MENURUT BELIAU, HENDAKLAH DIREBUT OLEH
ORANG-ORANG MELAYU JIKA MEREKA MAHU BERJAYA DALAM
BIDANG PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN.

DR. MAHATHIR MENYATAKAN JUMLAH ORANG-ORANG MELAYU YANG BEGEPAK
DALAM BIDANG TERSEBUT SEMAKIN MENINGKAT SEKARANG SEJAK ADANYA
KEMUDAHAN BAGI MENOLONG MEREKA YANG DISEDIAKAN OLEH
KERAJAAN.

BELIAU BERKATA PERKEMBANGAN TERSEBUT SANGATLAH MENGGALAKKAN
DAN HENDAKNYA LEBIH RAMAI LAGI JUMLAH MEREKA YANG TAMPIL MENGAMBIL
BAHAGIAN DI BIDANG TERSEBUT. -- BERNAMA 1418 HM